

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [Sarikei]**

**NO. SOALAN : 345**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan pusat mempunyai perancangan untuk membina satu Loji Perawatan Air di daerah Meradong untuk menampung keperluan pembekalan air di kawasan Meradong dalam tempoh masa lima tahun yang akan datang. Kalau ada, berapakah peruntukan yang akan diberikan oleh Kerajaan pusat untuk projek tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina sebuah Loji Rawatan Air yang baru di Daerah Meradong memandangkan keperluan bekalan air semasa di kawasan Meradong dibekalkan dari Loji Rawatan Air Temadak dan Loji Rawatan Air Bayong di Sarikei, Sarawak.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua juga, kerja-kerja naik taraf Loji Rawatan Air Bayong daripada 33JLH ke 63JLH kini sedang giat dijalankan dan ianya dijangka siap pada bulan Oktober 2015. Dengan siapnya kerja-kerja naik taraf Loji Rawatan Air Bayong ini, maka kapasiti pengeluaran air dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat dibekalkan ke kawasan Meradong.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN WONG LING BIU  
[ SARIKEI ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru dari Semenanjung Malaysia yang sedang berkhidmat di daerah Meradong dan Daerah Sarikei (Bahagian Sarikei). Apakah tindakan Kementerian Pelajaran untuk mengurangkan bilangan guru dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), seramai 126 orang guru yang berasal dari Semenanjung sedang berkhidmat di daerah Meradong iaitu 15.8 peratus daripada jumlah guru di Meradong. Manakala di daerah Sarikei, seramai 123 guru berasal daripada Semenanjung iaitu 10.6 peratus daripada jumlah guru di Sarikei. KPM akan mempertimbang dan memberi keutamaan sekiranya terdapat guru kelahiran dari negeri Sarawak ingin bertukar atau ditempatkan untuk berkhidmat di negeri asal mereka.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG  
YIENG [ LANANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah kategori yang telah didaftar oleh Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan; dan
- (b) apakah pendaftaran institusi sekolah tersebut dan bolehkah pelajar sekolah ini mengambil peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC) yang dilaksanakan oleh Dong Zong.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan, Pahang sebagai sebuah institusi pendidikan swasta melalui surat kelulusan bertarikh 26 Julai 2012.
- (b) Kurikulum yang telah diluluskan untuk dilaksanakan di institusi pendidikan tersebut ialah Kurikulum Kebangsaan (KBSM/KSSM) dan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar sepertimana yang

telah termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Murid di institusi pendidikan tersebut juga hendaklah menduduki peperiksaan oleh badan pensijilan yang ditetapkan iaitu Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia. KPM mengambil maklum bahawa institusi pendidikan tersebut akan turut melaksanakan mata pelajaran di luar Kurikulum Kebangsaan. Dalam hal ini, ia tidak membawa maksud bahawa KPM memberi pengiktirafan kepada mata pelajaran atau kurikulum lain di luar Kurikulum Kebangsaan yang akan diajarkan di institusi pendidikan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, KPM tidak mengiktiraf kurikulum dan peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC).